

Wau bahayakan helikopter, pesawat

KOTA BHARU – Syarikat pengangkutan helikopter pesisir pantai terkemuka di Asia, Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB) teruskan usaha tingkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko permainan tradisional Wau Bulan di sekitar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Pengurus Operasi Dalam Negerinya, Datuk Jamil Osman berkata, ia susulan dari beberapa insiden yang hampir mengakibatkan kemalangan kepada dua pesawat kecil dan helikopter pada Mac lalu.

“Ia berlaku kerana tali yang digunakan untuk menerbangkan Wau Bulan ini ditemui tersangkut pada rotor helikopter, perkara ini amat serius dan perlu ditangani segera.

“Kita perlu bertindak pantas dengan melakukan kempen kesedaran sebelum berlaku perkara tidak diingini, hendak main wau tidak salah tetapi perlu ikut peraturan yang digariskan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kempen



Jamil (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama, Athirah Auni Mohd Yassin dari Sekolah Kebangsaan (SK) Semut Api..

keselamatan Wau Bule Selamat Sokmo di WASSB, Pengkalan Chepa, kelmarin.

Kempen sepanjang tahun itu merupakan usaha bersama dengan pemain industri minyak dan gas, Hess, Talisman Malaysia Limited dan Petrofac yang disertai oleh pelajar dari lapan sekolah rendah di sekitar bandar ini.

Tambahnya, kempen itu berhasrat untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang permainan Wau Bulan tanpa

garis panduan yang betul boleh membahayakan nyawa dan keselamatan orang lain.

“Wau Bulan juga ditakrifkan sebagai ‘pesawat’ dan boleh mengganggu laluan penerbangan masuk dan keluar pesawat dari lapangan terbang yang boleh dikatakan amat sibuk setiap hari.

“Kita akan teruskan kempen ini tahun depan dengan melibatkan golongan dewasa dan akan berhenti setelah tahap keselamatan 100 peratus terjamin,” ujarnya.